

# Keldai akaun mengaku miliki wang secara tidak sah didenda RM500

**KUCHING:** Seorang keldai akaun dijatuhi hukuman denda RM500 atau sepuluh hari penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki wang RM9,500 secara tidak sah di dalam akaun bank miliknya.

Pengakuan itu dibuat oleh Mohd Ikmal Rahmat Arshad, 27, sebaik pertuduhan mengikut Seksyen 37(1)

Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958 dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara tiga bulan atau denda RM500.

Mengikut pertuduhan, lelaki dari Kampung Tabuan Hilir itu didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 1.45 petang di sebuah premis di Taman Stc Batu 5 di sini, pada 21 Julai 2022.

Fakta kes mendedahkan pemilik wang tersebut gagal untuk log masuk ke dalam aplikasi akaun simpanan bank dalam talian miliknya.

Pengadu seterusnya menghubungi pusat khidmat pelanggan bank bagi membuat semakan, namun panggilannya tidak dijawab.

Melihatkan keadaan itu, pengadu membuat aduan menggunakan e-mel bagi menetapkan semula akaun bank dalam talian miliknya.

Setelah berjaya log masuk, pengadu menyedari terdapat tiga transaksi membabitkan wang RM9,500 yang dipindahkan dari akaun banknya ke atas nombor akaun di bawah nama Mohd Ikmal Rahmat Arshad (tertuduh).

Laporan polis dibuat dan hasil siasatan mendapati tertuduh sebelum ini berurusan dengan seorang lelaki dikenali sebagai Faizal menerusi aplikasi WhatsApp setelah berminat dengan satu iklan di Facebook membabitkan penyewaan kad akaun bank.

Penyata bank turut mengesahkan terdapat kemasukan wang ke akaun tertuduh.

Tertuduh tidak diwakili peguam sementara pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang di hadapan Majistret Zaiton Anuar.